

Direct Debit Online memudahkan peminjam PTPTN

Oleh LUQMAN RIDHWAN MOHD. NOR

KUALA LUMPUR – Direct Debit Online merupakan satu inisiatif Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) bagi memudahkan peminjam dan pendeposit Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i) melakukan bayaran balik pinjaman dan penambahan deposit.

Pembayaran yang dilakukan secara debit terus dalam talian itu ternyata mendapat reaksi positif daripada peminjam PTPTN.

Seorang pengguna Direct Debit Online, Nurul Faezah Abdulah, 29, berkata, inisiatif tersebut mempunyai banyak kelebihan, antaranya menjimatkan masa peminjam PTPTN kerana tidak perlu menunggu di kaunter untuk melunaskan pinjaman.

“Apabila seorang peminjam perlu menunggu, ia akan membuat mereka melengah-lengahkan bayaran dan keadaan

itu akan membuatkan bayaran balik pinjaman tertangguh untuk suatu tempoh.

“Jadi, faktor kelewatan bayaran tidak akan berlaku kerana saya boleh membayar mengikut jadual tanpa perlu membuang masa, sekali gus menjadi lebih berdisiplin,” kata Nurul Faezah ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Nurul Faezah memberitahu, disiplin yang berjaya diterapkan menerusi bayaran secara debit terus dalam talian itu juga membolehkannya mengawal perbelanjaan bulanan dan merancang kehidupan pada masa akan datang.

Seorang lagi pengguna Direct Debit Online, Mohd. Fazrin Mohd. Fauzi, 30, pula berkata, perkhidmatan tersebut memudahkan proses penyelesaian pinjaman dilakukan oleh golongan pengguna khususnya peminjam PTPTN.

“Sebelum menggunakan perkhidmatan berkenaan, saya melakukan bayaran balik pinja-



NURUL FAEZAH



MOHD. FAZRIN



PENGERUSI PTPTN, Datuk Dr. Shamsul Anuar Nasarah (dua dari kiri) bersama Ketua Eksekutif PTPTN, Wan Ahmad Wan Yusoff (dua dari kanan), Pengarah Urusan MyClear, Peter Schiesser (kiri) dan Ketua Deposit dan Pengurusan Tunai Bank Islam, Zury Rahimee Zainal Abideen pada sidang akhbar selepas Majlis Pengumuman Direct Debit Online di Menara PTPTN, Kuala Lumpur baru-baru ini.

man PTPTN menerusi kaedah lain. Kini ia bertambah mudah apabila boleh melunaskan hutang secara automatik.

“Tambah pula, PTPTN memberikan insentif diskaun 10% dengan menggunakan kaedah itu. Oleh demikian, Direct Debit Online wajar digunakan oleh semua pihak yang berkaitan,” katanya.

Tambahnya, kaedah untuk

membuat permohonan Direct Debit Online juga begitu mudah kerana peminjam PTPTN boleh melakukannya melalui portal rasmi www.ptptn.gov.my dengan klik pada ikon “Permohonan Direct Debit” di ruangan “Perkhidmatan Atas Talian”.

Direct Debit Online juga boleh dipilih oleh pendeposit SSPN-i sebagai pilihan utama bagi tujuan penambahan deposit sim-

panan kerana perkhidmatan tersebut juga telah diperluaskan untuk tujuan penambahan deposit simpanan SSPN-i.

Dengan adanya Direct Debit Online, kelulusan permohonan dapat dilaksanakan dengan lebih cepat dan berkesan kerana hanya diproses dalam masa tiga hari bekerja. Tambah pula, tiada caj bagi perkhidmatan kemudahan Direct Debit Online.